



Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berkeelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** melaksanakan bekalan/perkhidmatan seperti berikut :

PEMBAHARUAN LANGGANAN PERISIAN KASPERSKY UNTUK KEGUNAAN PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM)

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
CAAM/Q 014/2026	210103 dan 210107	TIADA	TIADA	27/02/2026 (sebelum 12:00 tengah hari)

2. Pembekal **diwajibkan** menghadiri taklimat/lawatan tapak sebut harga seperti alamat yang tertera pada jadual di atas (**sekiranya ada**). **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat/lawatan tapak sebut harga. Hanya Pemilik/Penama yang berdaftar dengan MoF sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat/lawatan tapak dengan mengemukakan Kad Pengenalan dan Sijil MOF untuk pengesahan.
3. Bayaran dokumen sebut harga (sekiranya ada) boleh dibuat secara DALAM TALIAN ke **Akaun No. 3811340215 - PUBLIC ISLAMIC BANK atas nama Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)**. Wang ini tidak akan dikembalikan.
4. Kos bagi penyertaan dan penyediaan dokumen tawaran pembekal adalah ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.
5. Pembekal hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi melalui Sistem SPEED akan dikenakan fi perkhidmatan 0.4% bagi kontrak yang melibatkan beberapa pembayaran (multiple payment) mengikut setiap nilai invoice yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa tertakluk kepada had maksimum RM4,800.00 bagi invoice yang bernilai RM1.2 juta atau lebih; ATAU 0.8% bagi perolehan yang melibatkan hanya sekali bayaran (one-time payment) mengikut setiap nilai invoice yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi invoice yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.
6. **TATACARA PENYERTAAN SEBUT HARGA**
 - a) Pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran pembekal melalui laman web <https://speed2u.my> sebelum menyertai tawaran ini. Sila hubungi pusat khidmat pelanggan SPEED di talian 03-78854111 atau emel kepada helpdesk@speed2u.my untuk tujuan ini;
 - b) Seterusnya, Pembekal dikehendaki melengkapkan borang pada pautan <https://forms.gle/2wBvwTVw5JJytxmb9> untuk mengakses sistem SPEED bagi penyediaan cadangan tawaran pembekal; dan
 - c) Pembekal dikehendaki mengemukakan tawaran secara dalam talian (online) melalui sistem SPEED sebelum atau pada tarikh dan masa tutup Sebut Harga yang ditetapkan.
7. Sebarang pertanyaan perlu dikemukakan kepada Urus Setia perolehan melalui emel unit.perolehan@caam.gov.my atau hubungi talian 03-88714137/4120/4033/4287.
8. Rujuk pautan "<https://shorturl.at/1gSBH>" untuk perincian Sebut Harga.